

# UMS mahu bantu selesai masalah industri melalui penyelidikan, inovasi

DE 27.10.2019 2

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan sentiasa meningkatkan usaha untuk membantu menyelesaikan masalah dihadapi pihak industri menerusi penghasilkan penyelidikan dan inovasi, kata Naib Canselornya Prof Datuk Dr Taufiq Yap Yun Hin.

Beliau berkata UMS tidak mahu ketinggalan dalam era globalisasi dan ledakan Revolusi Industri 4.0, malah ingin bersama-sama maju ke hadapan membantu memenuhi keperluan negara khususnya dalam melaksanakan penyelidikan dan pembangunan.

"Justeru, perkara utama perlu dilakukan adalah memfokuskan keupayaan melaksanakan penyelidikan dan pembangunan seterusnya menghasilkan inovasi yang dapat membawa kebaikan kepada semua pihak.

"Saya berharap semua pihak menggembung tenaga menjalankan penyelidikan masing-masing dengan upaya dan kreativiti optimal," katanya dalam kenyataan, Sabtu.